



TIGA sukarelawan UMP menceriakan kanak-kanak di pusat pemindahan IKBN, Paloh Hinai, Pekan.

## Hibur si cilik rasa terkurung

HM : 8 JAN 2015 KHAMIS SETEMPAH M/S 4S

**Pekan:** Pembabitan sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di pusat pemindahan banjir di daerah itu dilihat mampu mencecah mangsa menerusi pelbagai program yang diadakan.

Selain bertemu sambil bertanya khabar dengan golongan dewasa, pelajar terabit turut mengadakan aktiviti bermain dan bercerita dengan kumpulan kanak-kanak.

Bagi penuntut, Halimaton Shahamdin, 19, berkata, walaupun itu kali pertama dia terbabit dengan sukarelawan banjir, namun tidak banyak

menimbulkan masalah kepada mereka menjalankan tugas.

Katanya, selain terbabit aktiviti penyediaan makanan dan membersihkan peralatan memasak, dia turut mengadakan program bersama kanak-kanak.

Katanya, aktiviti permainan dan bercerita dapat menceriakan golongan terbabit yang tertekan terutama apabila terlalu lama berada di pusat pemindahan.

"Kanak-kanak akan berasa seperti terkurung apabila terlalu lama di pusat pemindahan, sebagai contoh ada mangsa banjir di daerah ini kini hampir

tiga minggu berada di beberapa pusat pemindahan.

"Bagi mengurangkan tekanan terhadap kanak-kanak mereka perlu diburukkan dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang mampu menggembirakan walau pun dalam tempoh singkat," katanya, semalam.

Dia yang ditemui di pusat pemindahan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Paloh Hinai, berkata dengan menyertai pasukan sukarelawan UMP, beban dalam pelajaran dapat dikurangkan berbanding hanya berehat di asrama.